



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**IKLAN PENGAMBILAN
PERSONEL SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAM (MySTEP)**

1. (a) Jawatan : **PEGAWAI SAINS – PERKHIDMATAN SECARA PERSONAL MySTEP**
(b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. **Gaji Minima Yang Ditawarkan** : **RM 2,000.00 / sebulan**
3. **Syarat Lantikan Wajib** :
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Ijazah sarjana muda sains kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - (d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan.
4. **Kemudahan** :
 - (a) Layak menerima Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri sekiranya diarahkan menjalankan tugas rasmi di luar pejabat seperti berikut:
 - i. Elaun Perjalanan Kenderaan;
 - ii. Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing;
 - iii. Elaun Harian (bertugas luar pejabat melebihi 8 jam sehari tetapi kurang daripada 24 jam: dan
 - iv. Elaun Makan (bertugas luar pejabat bagi tempoh 24 jam atau lebih).
 - (b) Caruman KWSP dan caruman PERKESO
 - (c) Cuti Rehat 12 hari setahun. Dikira secara purata (pro rate) berdasarkan tempoh kontrak.
 - (d) Cuti Sakit 14 hari setahun. Dikira secara purata (pro rate) berdasarkan tempoh kontrak.
5. **Taraf Jawatan** : **PERKHIDMATAN SECARA PERSONAL MySTEP**
6. **Fungsi Bidang Tugas** :
 - (a) Berperanan dalam tugas berkenaan dengan pengelasan produk iaitu menjalankan tatacara penilaian bagi permohonan pengelasan produk;
 - (c) Berperanan untuk membantu keurusetiaan bagi Jawatankuasa Teknikal MDDCI & Mesyuarat Jawatankuasa Induk MDDCI
 - (d) Memainkan peranan dalam membantu bahagian menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kajian teknikal dan saintifik bagi penyediaan



bukti/ fakta untuk menyokong penetapan sesuatu dasar / polisi Pihak Berkuasa

- (e) Membantu kajian yang dilaksanakan mematuhi Prosedur Kualiti Pengurusan Kajian Penyelidikan yang telah dibangunkan oleh bahagian bagi memastikan aktiviti tersebut dijalankan secara teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan.

7. Cara Memohon

- (i) Permohonan hendaklah menghantar dokumen – dokumen (**format pdf**) dibawah ke alamat e-mel jobvacancy@mda.gov.my dan nyatakan tajuk/subjek e-mel "**PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI SAINS MySTEP**".
 - a. Resume Calon (berserta gambar berukuran passport);
 - b. Kad Pengenalan;
 - c. Sijil Kelahiran;
 - d. Sijil Tamat Persekolahan;
 - e. Salinan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - f. Salinan Ijazah berserta transkrip;
 - g. Pengiktirafan kelayakan Ijazah daripada JPA/ MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS) dan
 - h. Lain-lain dokumen sokongan.
- (ii) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan surat pengesahan jawatan yang terkini.
- (iii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (iv) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

8. Tarikh Tutup Permohonan

27 September 2021 (Isnin) jam 3.00 petang


(AHMAD SHARIFF BIN HAMBALI)
Ketua Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh : 14 September 2021

